




Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dalam ayat yang lengkap.



Cikgu, belakangan ini saya selalu sakit kepala. Saya juga sukar tidur. Kalau tidur pun, tidak dapat tidur nyenyak. Oleh itu, saya sering mengantuk dan tidak dapat fokus semasa belajar di dalam kelas. Selain itu, saya juga kerap berasa risau dan cemas. Saya cepat tersinggung walaupun kawan-kawan hanya bergurau. Apakah yang perlu saya lakukan, cikgu?

Tips Mengatasi Stres:

- Tarik nafas
- Bertenang
- Ukirkan senyuman
- Yakin kepada diri sendiri
- Berkongsi masalah
- Tutur kata yang baik-baik
- Beriadah
- Berfikiran positif



Cikgu

1 Apakah punca yang menyebabkan Iqbal sering mengantuk di dalam bilik darjah?

2 Nyatakan tiga tips yang disarankan oleh Cikgu Samsiah kepada Iqbal.

3 Sebagai kawan, apakah yang boleh kamu lakukan untuk membantu Iqbal?

4 Pada pendapat kamu, mengapakah kita digalakkan agar bercakap dengan menggunakan tutur kata yang baik-baik.

Simultaneous Round Table**Arahan:**

- 1 Guru memberikan petikan atau keratan akhbar tentang masalah berkaitan dengan perpaduan.
- 2 Murid-murid dikehendaki duduk dalam bentuk bulatan.
- 3 Setiap murid menulis respon kepada masalah dalam kertas masing-masing.
- 4 Kemudian setiap murid perlu mengedar catatan mereka kepada murid yang lain mengikut pusingan jam supaya setiap murid yang lain dapat menambah atau membetulkan respon yang ditulis.

Contoh keratan akhbar untuk rujukan guru dan murid.

KUALA LUMPUR: Perpaduan kaum menjadi antara faktor penting untuk Malaysia mencapai status negara maju selain kepesatan pembangunan dan ekonomi, kata Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Sehubungan itu, Timbalan Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia perlu memperkukuh dan mengekalkan keharmonian hubungan antara kaum. “Kemajuan negara bukan diukur menerusi kepesatan pembangunan ekonomi sahaja tetapi keharmonian antara kaum dan agama harus sentiasa dipelihara. Sekiranya tidak diberi perhatian ia akan menyebabkan negara menjadi mundur dan ketinggalan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Rumah Terbuka Tahun Baharu Cina 2019 di Padang Taman Muda, Ampang Jaya. Dr Wan Azizah berkata program sambutan perayaan seperti Tahun Baharu Cina itu perlu diadakan setiap tahun agar rakyat Malaysia pelbagai kaum dapat berinteraksi serta menjalinkan hubungan erat.

Beliau berkata budaya kunjung-mengunjungi masyarakat pelbagai kaum di negara ini ketika musim perayaan yang masih dikekalkan sehingga hari ini membuktikan integrasi kaum di negara ini erat dan utuh. “Ini adalah kekuatan dan kebanggaan kita, rakyat Malaysia,” katanya. – BERNAMA



Baca petikan di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan berikutnya.

Nobat adalah salah satu cabang seni muzik tradisi yang terdapat di Malaysia. Terdapat empat buah negeri di Malaysia yang mempunyai kumpulan alat muzik Nobat iaitu Kedah, Perak, Terengganu dan Selangor. Nobat merupakan orkestra diraja bagi majlis adat istiadat istana seperti istiadat pertabalan, perkahwinan, menjunjung duli, berkhatan, kemangkatan dan sebagainya.


Alat-alat muzik yang digunakan dalam Nobat Diraja Kedah terdiri daripada enam jenis iaitu Serunai, Nafiri, Gendang Ibu, Gendang Anak dan Gong. Satu lagi perkataan yang digunakan ialah Mahaguru atau dikenal juga sebagai Semambu iaitu sebatang rotan semambu yang dijadikan lambang mohor atau cokmar simbol kekuasaan raja. Rotan sepanjang 1.77 meter ini dibalut dengan kain kuning dan akan dipegang oleh Penghulu Nobat menghadap kumpulannya ketika permainan Nobat dipersembahkan.

Muzik warisan Nobat ini begitu tinggi martabat dan nilai sejarahnya. Oleh itu, hanya waris keturunan pemain Nobat yang boleh menganggotai muzik diraja ini.

1 Empat buah negeri yang mempunyai kumpulan alat muzik Nobat ialah _____

2 Nyatakan enam jenis alat muzik yang digunakan dalam Nobat Diraja Kedah.

3 Bilakah Nobat biasa dimainkan?

4 Pada pendapat kamu, mengapakah hanya waris keturunan pemain Nobat yang boleh menganggotai muzik diraja ini?  **KBAT**
